

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Saturday, October 12, 2019 10:56 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Bengkel Pelan Strategik UUM Ke-3 (2021-2025) Jana Input Baharu



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

12 OKTOBER 2019 / 13 SAFAR 1441H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

BENGKEL PELAN STRATEGIK UUM KE-3 (2021-2025) JANA INPUT BAHARU



UUM ONLINE: Kuala Lumpur - Bengkel Pelan Strategik UUM Ke-3 (2021-2025) diharap mampu melonjakkan lagi nama UUM di peringkat global, khususnya.

Bengkel anjuran Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) selama dua hari bermula 10 Oktober bersama Ahli Lembaga Pengarah Universiti (LPU) itu bertujuan untuk memberi percambahan idea dan membincangkan kerangka Pelan Strategik UUM Ke-3.

Pengerusi LPU, Dato' Prof. Dr. Sudin Haron berkata, beliau akan terus menyokong sebarang pelan tindakan baharu yang akan dilaksanakan UUM bagi memastikan hala tuju yang dirancang dapat direalisasikan pada masa hadapan.

Menurutnya, bengkel yang dianjurkan itu juga adalah satu langkah permulaan yang baik bagi merangka pelan strategik UUM sebagai '*University of Choice*'.

Sementara itu, Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, bagi merangka pelan strategik itu perlu melihat semula pencapaian semasa universiti bukan sahaja di peringkat nasional tetapi secara global.

Menurutnya, fokus utama dalam pelan strategik kali ini adalah untuk menjenamakan UUM, digitalisasi dan pengantarabangsaan.

Manakala Pengarah IPQ, Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd Mokhtar berkata, beliau mengalu-alukan semua cadangan dan idea yang boleh diguna pakai dalam merangka Pelan Strategik UUM Ke-3 itu demi membawa kemajuan universiti pada masa hadapan.

Pada bengkel itu, ahli LPU dan pengurusan universiti turut diberikan penerangan tentang kepentingan rankings bagi meletakkan UUM di persada dunia.

Pembentangan QS Rankings telah disampaikan Pengarah Serantau Asia Tenggara, Chong E Way yang menerangkan tentang kriteria dan cara penilaian dibuat bagi melayakkan universiti disenaraikan dalam rankings, khususnya QS Rankings.

Selain itu, turut diadakan sesi percambahan idea bagi menambahbaik pelan strategik sedia ada ke arah Pelan Strategik UUM Ke-3 (2021-2025).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.